



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

MAJLIS ANUGERAH TANGAN EMAS PERDANA MENTERI (MATEPM) DAN ANUGERAH TOKOH MAHIR (ATM) 2023

SHAH ALAM, 23 NOVEMBER 2023 - Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri (MATEPM) merupakan acara tahunan peringkat kebangsaan bagi memberi pengiktirafan kepada individu yang cemerlang dalam pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri merupakan anugerah tertinggi yang diberikan kepada pemenang terbaik keseluruhan dalam Pertandingan WorldSkills Malaysia Belia (WSMB) dan WorldSkills Malaysia Pengajar (WSMP).

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) turut menganjurkan pertandingan *JuniorSkills Malaysia (JSM)* dan *WorldSkills Malaysia University Challenge (WSMUC)*. JSM diperkenalkan bertujuan memilih dan mengiktiraf pelajar sekolah berumur 16 tahun dan ke bawah yang mempunyai potensi. Ia memberi pendedahan mengenai Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) pada peringkat lebih awal di kalangan pelajar-pelajar sekolah untuk memupuk minat generasi muda untuk menceburi kerjaya berasaskan kemahiran. Selain itu juga, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) bersama JPK telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan Pertandingan Kemahiran WSMUC 2023 yang merupakan penganjuran program kali kedua setelah dianjurkan kali pertama pada tahun 2022 secara dalam talian. Pertandingan ini bertujuan untuk memperkenalkan *Future Skills* iaitu bidang-bidang yang berkaitan dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). Sebanyak 6 bidang kemahiran dipertandingkan dalam WSMUC kali ini iaitu *Rail Vehicle Technology, Chemical Lab Technology, Cybersecurity, Mobile Application Development, Aircraft Maintenance* dan *Robot System Integration*.

Buat julung kalinya, Anugerah Tokoh Mahir (ATM) diperkenalkan dan akan disampaikan bersama dalam MATEPM. Lazimnya anugerah ini disampaikan dalam majlis Sambutan Hari Pekerja. Penganugerahan ini adalah bagi memberi pengiktirafan kepada individu yang telah menggerakkan dan menyumbangkan pencapaian cemerlang dalam pembangunan bidang latihan kemahiran serta sesuai dijadikan ikon dan sumber inspirasi kepada masyarakat di negara ini untuk berkecimpung di dalam bidang latihan kemahiran.

Majlis ini juga bertujuan untuk meraikan peserta negara yang berjaya di dalam pertandingan peringkat antarabangsa iaitu WorldSkills ASEAN Singapore 2023 yang telah berlangsung pada 23 hingga 25 Julai 2023 serta kejayaan peserta negara dalam *10th International Abilitylympics 2023* pada 23 hingga 25 Mac 2023 di Perancis.

Penganjuran program seumpama ini merupakan antara usaha untuk memberi pengiktirafan kepada belia dan tenaga pengajar yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam bidang masing-masing seterusnya dapat mempromosikan TVET di Malaysia. Majlis ini telah mengumpulkan hampir 3000 orang warga kemahiran dari pelbagai agensi awam dan swasta dari seluruh negara.

Pertandingan kemahiran ini dilaksanakan adalah bagi tujuan melahirkan tenaga kerja mahir bagi keperluan industri melalui:

- i. Mengiktiraf belia yang berkemahiran tinggi;
- ii. Menggalakkan persaingan sihat dikalangan belia dalam meningkatkan kemahiran;
- iii. Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan bidang kemahiran;
- iv. Meningkatkan imej kerjaya warga kemahiran; dan
- v. Memilih peserta negara ke pertandingan kemahiran peringkat antarabangsa.

Pertandingan Kemahiran peringkat kebangsaan yang merangkumi WSMB, WSMP dan JSM peringkat pra-kelayakan telah berjaya dilaksanakan pada 9 Mei hingga 12 Jun 2023 dengan penyertaan keseluruhan seramai 1,467 orang. Daripada 1,467 orang yang menyertai pertandingan pra-kelayakan ini, seramai 349 orang iaitu 24% layak ke pertandingan peringkat akhir yang telah berjalan pada 15 September hingga

16 Oktober 2023. Sebanyak 28 bidang dipertandingkan bagi kategori belia (WSMB), 10 bidang kategori pengajar (WSMP) dan 7 bidang kategori junior (JSM).

Penganjuran pertandingan WSMB, WSMP dan JSM diurussetiakan oleh JPK dan KKR, manakala pertandingan WSMUC pula diurussetiakan oleh JPK dan UniKL sejumlah 23 tapak telah dijadikan lokasi pertandingan peringkat pra-kelayakan dan peringkat akhir iaitu ABM Wilayah Utara, CIAST Shah Alam, Fanuc Mechatronics Klang, GIATMARA Kepala Batas, GIATMARA Tasek Gelugor, GMI Bangi, IKTBN Chembong, KKTM Balik Pulau, KKTM Kuantan, Kolej Komuniti Sungai Petani, KV SAS Banting, MyBIM Center Kuala Lumpur, PLPP Bangi, Taylor's University Subang Jaya, Tiong Nam Motor Klang, UiTM Penang, UniKL MFI Bangi, UniKL MIAT Subang, UniKL MICET Alor Gajah, UniKL MIDI Cheras, UniKL MIIT Kuala Lumpur, UTEM Melaka dan WISDEC Banting.

Majlis ini juga, merupakan penghargaan Kerajaan atas komitmen semua pihak berkepentingan dan pemegang taruh dalam latihan kemahiran serta industri yang telah menjadi rakan strategik dengan memberi kerjasama dan sokongan bagi menjayakan program-program pertandingan kemahiran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Semoga kolaborasi bersama industri seperti ini dapat ditingkatkan bagi mencungkil dan menggilap bakat-bakat besar yang akan mengarusperdanakan TVET dalam negara dan mengharumkan nama negara dalam bidang TVET di persada antarabangsa.

~ TAMAT ~

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA